

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM DKM/DLKM MELALUI KAEDAH SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan tambahan kepada Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) atau Pusat Bertauliah SLDN (PB SLDN) yang ingin memohon pentauliahan program sehingga ke peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DKM). Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Panduan Pentauliahan Program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Tahun 2017.

2. PROSES PENTAULIAHAN

Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) atau Pusat Bertauliah SLDN (PB SLDN) yang ingin memohon pentauliahan program sehingga ke peringkat DKM/DLKM hendaklah memenuhi dan mematuhi Panduan Pentauliahan Program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Tahun 2017.

2.1 SEBELUM PENTAULIAHAN

- a. PLK hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Pentauliahan Program Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) - JPK/SLDN/DT01;
- b. Mengemukakan dokumen seperti di senarai semak permohonan;
- c. Pegawai JPK akan melakukan lawatan penentusahan ke PLK/PB SLDN sekiranya semua dokumen yang diperlukan telah lengkap;

2.2 LAWATAN PENENTUSAHAN PENTAULIAHAN

2.2.1 Kehadiran Personel

PLK/PB SLDN hendaklah memastikan semua personel yang terlibat dengan program DKM/DLKM **hadir** semasa lawatan penentusahan dilakukan, antaranya;

- a. Pengurus Pusat Bertauliah (PPB-SLDN);
- b. Pengajar atau/dan Coach;
- c. Penyelaras (Syarikat atau/dan Pusat Latihan).

2.2.2 Semakan Dokumen Permohonan/Lawatan Penentusahan

- a. Dokumen asal seperti salinan SSM, Sijil Induksi SLDN serta lain-lain dokumen yang dinyatakan dalam dokumen pentaualiahan hendaklah disediakan bagi tujuan validasi;
- b. PLK/PB SLDN hendaklah membenarkan dan memberi kerjasama kepada Pegawai Penentusahan Pentaualiahan (PPP) yang dilantik oleh JPK untuk mengesahkan kemudahan dan peralatan yang akan digunakan di dalam pelaksanaan SLDN;

2.2.3 Pembentangan Cadangan Pelaksanaan Program DKM/DLKM

PLK/PB SLDN hendaklah membentangkan perkara-perkara berikut semasa lawatan dijalankan, iaitu:

- a. Sejarah pelaksanaan program SLDN terdahulu pada semua tahap (jika ada);
- b. Pembentangan cadangan pelaksanaan program DKM/DLKM seperti:
 - i. Sasaran atau cadangan bilangan/kuota perantis.
 - ii. Bilangan Coach/Pengajar berbanding cadangan kuota pengambilan perantis;
 - iii. Tarikh mula pelaksanaan;
 - iv. Tempoh latihan;

- v. Cadangan PLK/PB SLDN kerjasama jika pelaksanaan program DKM/DLKM tidak dilakukan secara Syarikat Latihan Dalam (in house);
- c. Pelan pembelajaran (day/block release) dan jadual latihan (harian/mingguan/bulanan);
- d. Pembentangan modul latihan DKM/DLKM (bagi permohonan di bawah kategori Pusat Latihan SLDN);
- e. Pembentangan contoh cadangan **5 tajuk Projek Akhir** yang merangkumi 25% daripada CU/Duti keseluruhan;
- f. Pembentangan boleh dilakukan oleh mana-mana personel pentauliahan SLDN.

2.3. KELULUSAN PENTAULIAHAN

Mana-mana PLK/PB SLDN yang mana programnya di luluskan pentauliahannya akan di anugerahkan Sijil Akuan Pentauliahan.

3. KELULUSAN PENTAULIAHAN

Pendaftaran perantis hanya boleh dilakukan selepas permohonan pentauliahan program di peringkat DKM/DLKM di luluskan. Kelulusan Pentauliahan ini tertakluk di bawah AKTA 652.

4. PENUTUP

Garis panduan ini berkuatkuasa pada **01 Julai 2017**. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh merujuk kepada Unit Kurikulum dan Pentauliahan, Bahagian SLDN, Jabatan Pembangunan Kemahiran.

**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

21 JUN 2017